

**KEFAHAMAN MENGENAI PATRIOTISME
DALAM KALANGAN PELAJAR IPTA**

SITI NORAYU BINTI MOHD BASIR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**KEFAHAMAN MENGENAI PATRIOTISME
DALAM KALANGAN PELAJAR IPTA**

oleh

SITI NORAYU BINTI MOHD BASIR

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor falsafah**

Mac 2021

PENGHARGAAN

Allahuakbar. Alhamdulillah

Segala puji kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya atas segala nikmat yang dipinjamkan maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini sebagai mandat berakhirnya pengajian Ijazah Doktor Falsafah. Yang baik datang dari-Nya dan yang tidak sempurna itu datangnya dari saya.

Saya tuntunkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Zaini Abu Bakar dan Dr. Razlini Ramli atas dedikasi, komitmen dan belas dalam memberi panduan, tunjuk ajar dan nasihat sepanjang tempoh pengajian saya. Terima kasih kerana bersabar dengan kekurangan saya. Saya dedikasikan juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu melancarkan pengajian saya.

Teristimewa buat abah Haji Mohd Basir bin Musa dan emak Hajah Sukiah binti Tamun, cinta hati, Nurul Azam bin Misron, terima kasih kerana yang tidak pernah lelah memberi semangat serta mendoakan kejayaan ini. Redhamu membawa ke syurga. Untuk permata hati mama, Zahra si bunga jelita, Sabrina si anak manja dan Gibran pengubat hati gundah, terima kasih dan terima kasih. Ini untuk kalian!

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI GRAF	xvi
SENARAI CARTA	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xx
ABSTRAK	xxi
ABSTRACT	xxiii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian.....	11
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Hipotesis Kajian.....	12
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Skop dan Batasan Kajian	16
1.8 Definisi Istilah.....	17
1.8.1 Patriotisme Buta dan Patriotisme Konstruktif	17
1.8.2 Belia	18
1.8.3 Institut Pengajian Tinggi Awam	19
1.8.4 Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik (MPUHE)	19
1.8.5 Nilai Patriotisme Didalam Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik.....	20

1.8.5(a)	Keharmonian Etnik	20
1.8.5(b)	Jati Diri	21
1.8.5(c)	Semangat Kesukarelawanan	21
1.9	Rumusan	22
BAB 2 SOROTAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORITIKAL		23
2.0	Pendahuluan	23
2.1	Definisi Patriotisme	23
2.2	Patriotisme Dari Sudut Pembinaan Negara Bangsa	28
2.3	Patriotisme Dari Sudut Agama	32
2.4	Teori Identiti Sosial	36
2.4.1	Pengkategorian Sosial	38
2.4.2	Pembentukan Identiti Sosial	38
2.4.3	Perbandingan Sosial	39
2.4.4	Kepelbagaian Identiti	40
2.5	Teori Identiti Sosial, Semangat Patriotisme Dan Individu	41
2.6	Teori Identiti Sosial, Semangat Patriotisme dan Kumpulan	44
2.7	Teori Fungsionalisme	48
2.8	Kecenderungan Patriotisme Individu	52
2.8.1	Konsep Patriotisme Positif dan Negatif	56
2.8.2	Jenis-Jenis Patriotisme	59
2.8.2(a)	Patriotisme Buta	59
2.8.2(b)	Patriotisme Konstruktif	61
2.9	Pendidikan Patriotisme Di Institut Pengajian Tinggi Awam	63
2.9.1	Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia	64
2.9.2	Modul Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik	68
2.9.3	Nilai Patriotisme dalam Objektif Pengajaran MPUHE	72
2.9.3(a)	Keharmonian Etnik	73

2.9.3(b)	Jati Diri	78
2.9.3(c)	Semangat Kesukarelawanan	81
2.10	Kajian-Kajian Lepas	84
2.11	Kerangka Konsep	101
2.12	Rumusan	102
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		103
3.0	Pendahuluan	103
3.1	Rekabentuk Kajian	103
3.2	Populasi dan Persampelan Data	106
3.2.1	Populasi Kajian	106
3.2.2	Sampel Kajian	108
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	111
3.3.1	Kajian Perpustakaan	111
3.3.2	Kajian Lapangan	112
3.4	Reka Bentuk Instrumen Kajian	114
3.4.1	Soal Selidik	115
3.4.2	Protokol Temubual	117
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik dan Protokol Temubual	118
3.5.1	Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	119
3.5.2	Protokol Temubual	122
3.5.2(a)	Kesahan Kandungan	122
3.6	Prosedur Kutipan Data Kajian	124
3.7	Prosedur Analisis Data	125
3.7.1	Data Kuantitatif	125
3.7.1(a)	Ujian <i>T-Test</i>	125
3.7.1(b)	Ujian <i>Anova</i>	126
3.7.1(c)	Ujian Korelasi	126

3.7.1(d)	Ujian Regresi	127
3.7.2	Data Kualitatif.....	128
3.7.2(a)	Analisis Kandungan.....	128
3.7.2(b)	Pengekodaan.....	129
3.8	Rumusan	132
BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN		133
4.0	Pendahuluan.....	133
4.1	Kaedah Pembersihan Data	133
4.1.1	Pengesanan Data Tidak Lengkap.....	134
4.1.2	Unsur Luaran (<i>Outliers</i>).....	134
4.2	Analisis Faktor	135
4.2.1	Analisis Faktor Pembolehubah Jenis-Jenis Patriotisme.....	136
4.2.2	Analisis Faktor Pembolehubah Keharmonian Etnik, Jati Diri dan Semangat Kesukarelawanan.....	138
4.2.3	Analisis Faktor Pembolehubah Kesan Pengajaran MPUHE	140
4.3	Andaian-Andaian Multivariate	141
4.3.1	Ujian Normaliti	141
4.3.2	Lineariti.....	142
4.3.3	Multikolineariti	143
4.4	Analisis Deskriptif Profil Responden	145
4.5	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Kajian	147
4.5.1	Ujian Desriptif Jenis-Jenis Patriotisme.....	148
4.5.2	Ujian Deskriptif Keharmonian Etnik, Jati Diri dan Semangat Kesukarelawanan di Dalam MPUHE	150
4.5.3	Analisis Deskriptif Kesan Pengajaran MPUHE Terhadap Semangat Patriotisme Pelajar	153
4.6	Pengujian Hipotesis	154

4.6.1	Mengenalpasti Kecenderungan Jenis Patriotisme berdasarkan Latar Belakang Demografi Pelajar.....	155
4.6.1(a)	Kecenderungan Jenis Patriotisme Berdasarkan Latar Belakang Demografi Pelajar	155
4.6.1(b)	Perhubungan Yang Signifikan Antara Kecenderungan Jenis Patriotisme Dengan Latar Belakang Demografi Pelajar.....	167
4.6.2	Mengkaji Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Tiga Konstruk Patriotisme Yang Terdapat Dalam MPUHE Berdasarkan Latar Belakang Demografi Pelajar.....	171
4.6.2(a)	Perbezaan Yang Signifikan Di antara Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Tiga Nilai Patriotisme Yang Terdapat Dalam MPUHE.....	171
4.6.2(b)	Terdapat Perhubungan Yang Signifikan Diantara Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Tiga Konstruk Patriotisme Yang Terdapat Dalam MPUHE Dengan Latar Belakang Demografi	187
4.6.3	Menganalisa Tiga Konstruk Patriotisme Didalam MPUHE Yang Membentuk Kecenderungan Jenis Patriotisme Pelajar	192
4.6.3(a)	Hubungan Yang Signifikan Diantara Konstruk Keharmonian Etnik, Jati Diri Dan Semangat Kesukarelawanan Didalam MPUHE Terhadap Pembentukan Jenis Patriotisme Pelajar	192
4.6.4	Menganalisa Kesan Pengajaran MPUHE Terhadap Patriotisme Pelajar	194
4.6.4(a)	Hubungan Antara Pengajaran MPUHE Dengan Pemahaman Pelajar Terhadap Patriotisme	194
4.6.5	Analisis Kualitatif	195
4.6.6	Meneroka Pemahaman Tentang Konsep Semangat Patriotisme Dalam Kalangan Pelajar	200
4.6.6(a)	Tema 1: Patriotisme Adalah Semangat Cinta Negara.....	205
4.6.6(a)(i)	Subtema 1: Kecintaan	205
4.6.6(a)(ii)	Subtema 2: Kesetiaan.....	206
4.6.6(a)(iii)	Subtema 3: Keselamatan.....	206
4.6.6(b)	Tema 2: Patriotisme Adalah Semangat Kekitaan	207

4.6.6(b)(i)	Subtema 1: Kerjasama	207
4.6.6(b)(ii)	Subtema 2: Keharmonian.....	208
4.6.6(b)(iii)	Subtema 3: Persaudaraan	209
4.6.6(c)	Tema 3: Patriotisme Adalah Disiplin.....	210
4.6.6(c)(i)	Subtema 1: Bertanggungjawab	210
4.6.6(c)(ii)	Subtema 2: Produktiviti	211
4.6.6(d)	Tema 4: Agama Dan Kepercayaan	211
4.7.6(d)(i)	Subtema 1: Agama Tunggal Rukun Negara	212
4.7.6(d)(ii)	Subtema 2: Nilai Baik Dalam Agama.....	213
4.6.6(e)	Tema 5: Keluarga.....	213
4.6.6(e)(i)	Subtema 1: Pembentukan Awal Peribadi Manusia	214
4.6.6(e)(ii)	Subtema 2: Etnisiti.....	215
4.7	Rumusan	215
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN.....		217
5.0	Pendahuluan	217
5.1	Perbincangan Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif.....	217
5.1.1	Kecenderungan Jenis Patriotisme Pelajar IPTA Berdasarkan Demografi	221
5.1.2	Menganalisis Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Tiga Nilai Patriotisme Yang Terdapat Dalam MPUHE.....	228
5.1.3	Menganalisis Elemen-Elemen MPUHE Yang Membentuk Kecenderungan Patriotisme Pelajar	241
5.1.4	Menganalisis Kesan Penawaran MPUHE Keatas Semangat Patriotisme Pelajar	244
5.2	Implikasi Kajian.....	246
5.2.1	Implikasi Kepada Teori.....	246
5.2.2	Implikasi Kepada Amalan Dan Praktikal	249

5.2.3	Perspektif Baru Dalam Pembentukan Semangat Patriotisme Pelajar	253
5.3	Cadangan Kajian Dimasa Hadapan.....	256
5.4	Rumusan	259
	RUJUKAN.....	262
	LAMPIRAN	
	SENARAI PENERBITAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Kepelbagaian Definisi Patriotisme 28
Jadual 2.2	Perbezaan antara Pro Dan Kontra Patriotisme Mengikut Steve Nathanson (1997)..... 58
Jadual 2.3	Senarai IPTA di Malaysia Mengikut Teras 66
Jadual 2.4	Pemetaan Topik Modul Hubungan Etnik Edisi Kedua dengan konsep pengembangan literasi politik Crick (2007)..... 71
Jadual 3.1	Pecahan IPTA Mengikut Teras..... 108
Jadual 3.2	Pecahan Populasi Capaian Dan Sampel 110
Jadual 3.3	Skala Likert Bahagian B..... 116
Jadual 3.4	Skala Likert Bahagian C..... 116
Jadual 3.5	Skala Likert Bahagian D..... 117
Jadual 3.6	Nilai Cronbach Alpha Bagi Kajian Rintis 120
Jadual 3.7	Nilai Cronbach Alpha Bagi Kajian Rintis Dan Kajian Sebenar 121
Jadual 3.8	Pengekodan Transkrip Temubual Zulkifli Osman (2012)..... 131
Jadual 4.1	Analisis Faktor Pembolehubah Jenis-jenis Patriotisme..... 136
Jadual 4.2	Analisis Faktor Pembolehubah Keharmonian Etnik, Jati Diri dan Semangat Kesukarelawanan..... 138
Jadual 4.3	Analisis Faktor Pembolehubah Kesan MPUHE terhadap Semangat Patriotisme 140
Jadual 4.4	Ujian Normaliti..... 142
Jadual 4.5	Analisis Pearson Product bagi Ujian Multikoleneartiti 144
Jadual 4.6	Pengujian Multikoleneartiti Menggunakan Statistik VIF..... 144
Jadual 4.7	Statistik Deskriptif bagi Taburan Kekedaran Responden (N=351) 146
Jadual 4.8	Kategori Skor..... 147

Jadual 4.9	Ujian Deskriptif Pemboleh Ubah Jenis-jenis Patriotisme	148
Jadual 4.10	Analisis Deskriptif Modul Hubungan Etnik	151
Jadual 4.11	Analisis Dedskriptif Kesan Penawaran MPUHE keatas Kefahaman Patriotisme Pelajar	153
Jadual 4.12	Perbezaan dalam Kecenderungan Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE	156
Jadual 4.13	Perbezaan dalam Kecenderungan Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE Mengikut Jantina	158
Jadual 4.14	Perbezaan dalam Kecenderungan Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE Mengikut Umur	159
Jadual 4.15	Perbezaan dalam Kecenderungan Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE Mengikut Etnik	160
Jadual 4.16	Perbezaan dalam Kecenderungan Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE Mengikut Agama	161
Jadual 4.17	Perbezaan dalam Kecenderungan Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE Mengikut Tempat Pengajian	162
Jadual 4.18	Perbezaan dalam Kecenderungan Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE Mengikut Tahun Pengajian.....	163
Jadual 4.19	Perbezaan dalam Kecenderungan Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE Mengikut Negeri Kelahiran.	164
Jadual 4.20	Perbezaan dalam Kecenderungan Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE Mengikut Kawasan tempat Tinggal.....	165
Jadual 4.21	Perbezaan dalam Kecenderungan Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE Mengikut Pekerjaan Bapa.....	166

Jadual 4.22	Perbezaan dalam Kecenderungan Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE Mengikut Pekerjaan Ibu.....	167
Jadual 4.23	Hubungan antara Kecenderungan Jenis Patriotisme Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti Modul MPUHE	168
Jadual 4.24	Ringkasan Perbezaan Kefahaman Pelajar terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Berdasarkan Demografi Sebelum dan Selepas mengikuti MPUHE.....	173
Jadual 4.25	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Jantina terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Sebelum mengikuti MPUHE	174
Jadual 4.26	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Jantina terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Selepas mengikuti MPUHE	175
Jadual 4.27	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Umur terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Sebelum mengikuti MPUHE.....	175
Jadual 4.28	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Umur terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Selepas mengikuti MPUHE	176
Jadual 4.29	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Etnik terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Sebelum mengikuti MPUHE.....	177
Jadual 4.30	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Etnik terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Selepas mengikuti MPUHE	177
Jadual 4.31	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Agama terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Sebelum mengikuti MPUHE	178
Jadual 4.32	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Agama terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Selepas mengikuti MPUHE	179

Jadual 4.33	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Tempat Pengajian terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Sebelum mengikuti MPUHE	179
Jadual 4.34	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Tempat Pengajian terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Selepas mengikuti MPUHE	180
Jadual 4.35	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Tahun Pengajian terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Sebelum mengikuti MPUHE	180
Jadual 4.36	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Tahun Pengajian terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Selepas mengikuti MPUHE	181
Jadual 4.37	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Negeri Asal terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Sebelum mengikuti MPUHE	182
Jadual 4.38	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Negeri Asal terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Selepas mengikuti MPUHE	183
Jadual 4.39	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Kawasan Tempat Tinggal terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Sebelum mengikuti MPUHE	184
Jadual 4.40	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Kawasan Tempat Tinggal terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Selepas mengikuti MPUHE	184
Jadual 4.41	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Pekerjaan Bapa terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Sebelum mengikuti MPUHE	185
Jadual 4.42	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Pekerjaan Bapa terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Selepas mengikuti MPUHE	186

Jadual 4.43	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Pekerjaan Ibu terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Sebelum mengikuti MPUHE	186
Jadual 4.44	Perbezaan dalam Kefahaman Pelajar Berdasarkan Pekerjaan Ibu terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Selepas mengikuti MPUHE	187
Jadual 4.45	Hubungan Antara Kefahaman Pelajar Berdasarkan Demografi terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri, Semangat Kesukarelawanan Sebelum dan Selepas mengikuti MPUHE	190
Jadual 4.46	Hubungan Antara Jenis Patriotisme Pelajar dengan Nilai Patriotisme Keharmonian Etnik, Jati Diri dan Semangat Kesukarelawanan Sebelum menduduki MPUHE.....	193
Jadual 4.47	Hubungan Antara Jenis Patriotisme Pelajar dengan Nilai Patriotisme Keharmonian Etnik, Jati Diri Semangat Kesukarelawanan Selepas menduduki MPUHE.....	194
Jadual 4.48	Perhubungan Kesan pengajaran MPUHE Terhadap Pemahaman Pelajar Keatas Patriotisme	195
Jadual 4.49	Profil Informan Kajian.....	196
Jadual 4.50	Analisa Dapatan Data dan Rumusan	200
Jadual 4.51	Konstruk dan Subtema.....	201
Jadual 5.1	Perbezaan Ciri Sociodemografi Dan Kecenderungan Patriotisme Pelajar Analisis Keatas Kecenderungan Semangat Patriotisme Mengikut Jantina	222

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Piramid Teori Hierarki Keperluan Maslow dan Fungsi Patriotisme Bagi Individu oleh Ervin Staub (1989, 1999)..... 42
Rajah 2.2	Diagram Struktur Fungsionalis Ashok Sivaji Yakaldevi (2014)..... 50
Rajah 2.3	Patriotisme Positif dan Negatif (Bar-Tal, 1997)..... 56
Rajah 2.4	Model Kepentingan Patriotisme Kepada Warganegara (Ku Hasnita Ku Samsu & Mohd Haizam Mohd Nor,2011)..... 94
Rajah 2.5	Kerangka konsep dan teori kajian 101
Rajah 3.1	Model Kaedah Gabungan Kuantitatif Primer + Kualitatif Sekunder (Cresswell & Clark, 2011) 104
Rajah 3.2	Model Triangulasi Dalam Kajian (Cresswell,2011)..... 105
Rajah 4.1	Plot Serakan Bagi Pemboleh Ubah Bebas Dengan Modul Hubungan Etnik 143
Rajah 5.1	Model Kajian Kefahaman Terhadap Keharmonian Etnik, Jati Diri Dan Semangat Kesukarelawanan Yang Membentuk Kecenderungan Pelajar Melalui MPUHE 220

SENARAI GRAF

	Halaman
Graf 5.1	Elemen Patriotisme Buta 218
Graf 5.2	Elemen Patriotisme Konstruktif 219

SENARAI CARTA

	Halaman
Carta 5.1	Elemen Keharmonian Etnik Dalam Kajian 229
Carta 5.2	Elemen Jati Diri Dalam Kajian..... 233
Carta 5.3	Elemen Semangat Kesukarelawananan Dalam Kajian 239

SENARAI SINGKATAN

ASEAN	Association of South East Asian Nations
IBM	Indeks Belia Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
MPUHE	Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
TIS	Teori Identiti Sosial
TITAS	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UMP	Universiti Malaysia Pahang
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UMT	Universiti Malaysia Terengganu
UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia

USM	Universiti Sains Malaysia
UTeM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Instrumen Soal Selidik (Sebelum Dan Selepas Mengikuti MPUHE)
Lampiran B	Protokol Temubual
Lampiran C	Penilaian Pakar Bagi Soal Selidik Dan Temubual
Lampiran D	Pengesahan Transkrip Temubual
Lampiran E	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
Lampiran F	Penerbitan

KEFAHAMAN MENGENAI PATRIOTISME DALAM KALANGAN PELAJAR IPTA

ABSTRAK

Kajian ini meneroka kefahaman pelajar terhadap nilai keharmonian etnik, jati diri dan kesukarelawanan yang membentuk kecenderungan patriotisme dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melalui medium pembelajaran Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik (MPUHE). Kajian ini turut bertujuan mengenal pasti perbezaan dan hubungan skor kecenderungan jenis patriotisme pelajar sebelum dan selepas mengikuti MPUHE dan menganalisa adakah terdapat hubungan antara nilai keharmonian etnik, jati diri dan semangat kesukarelawanan dengan kecenderungan jenis patriotisme pelajar iaitu patriotisme buta dan patriotisme konstruktif. Lokasi kajian adalah di tiga buah universiti awam yang dipilih secara rawak dalam kelompok universiti berfokus, universiti penyelidikan dan universiti komprehensif. Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar universiti yang sedang mengikuti MPUHE dan sampel adalah seramai 351 (N=351) bagi tinjauan dan 12 (N=12) sebagai informan temubual. Pendekatan kajian yang dijalankan adalah melalui pendekatan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan menerusi instrumen soal selidik dan melibatkan seramai 351 sampel (N=351) dan pendekatan kualitatif melalui kaedah temubual bersemuka dengan menggunakan protokol temubual separa struktur dan melibatkan seramai 12 informan (N=12). Informan yang terlibat terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dengan MPUHE iaitu dalam kalangan pakar bidang, tenaga pengajar dan juga pelajar. Sesi temubual melibatkan pengumpulan maklumat mengenai implikasi pengajaran MPUHE terhadap peningkatan pemahaman pelajar tentang patriotisme secara umum dan nilai

patriotisme yang dikaji iaitu keharmonian etnik, jati diri dan semangat kesukarelawanan. Seterusnya maklumat yang diperolehi hasil dari soal selidik dianalisis menggunakan Ujian T sampel bebas, ujian Anova, ujian korelasi dan regresi berganda. Hasil analisis ditunjukkan dalam bentuk min dan nilai signifikan. Seterusnya, bagi maklumat yang diperolehi hasil temubual telah dianalisis menggunakan analisis kandungan, penetapan kod dan pembentukan tema dan subtema secara manual. Secara keseluruhan, hasil analisis data menunjukkan terdapat perbezaan skor kefahaman, kecenderungan dan implikasi pengajaran MPUHE terhadap patriotisme pelajar. Hasil analisis juga memperlihatkan hubungan yang sederhana antara patriotisme buta dengan jati diri dan semangat kesukarelawanan dan hubungan yang sederhana antara patriotisme konstruktif dengan keharmonian etnik dan jati diri. Walaupun dapatan hasil soal selidik menunjukkan persetujuan yang tinggi MPUHE mempunyai implikasi yang baik dalam membina kefahaman patriotisme pelajar, hasil temubual menunjukkan 3 orang informan menyatakan sebaliknya. Seterusnya, hasil temubual menemukan faktor keluarga dan agama membina kefahaman dan mempengaruhi kecenderungan patriotisme pelajar.

UNDERSTANDING OF PATRIOTISM WITHIN UNIVERSITY STUDENTS

ABSTRACT

This study explores students' understanding of the values of ethnic harmony, identity and volunteerism that shape the tendency of patriotism among students of Public Institutes of Higher Learning (IPTA) through the medium of learning the General Subject of Ethnic Relations (MPUHE). This study also aims to identify the differences and relationship scores of students' patriotism tendencies before and after attending MPUHE and analyze whether there is a relationship between the value of ethnic harmony, identity and spirit of volunteerism with students' patriotism tendencies that are blind patriotism and constructive patriotism. The study locations were at three public universities randomly selected in a group of focused universities, research universities and comprehensive universities. The study population consisted of university students who were following MPUHE and the sample was 351 (N = 351) for the survey and 12 (N = 12) as interview informants. The research approach conducted is through a quantitative approach that uses a survey method through a questionnaire instrument and involves a total of 351 samples (N = 351) and a qualitative approach through a face-to-face interview method using a semi-structured interview protocol and involves a total of 12 informants (N = 12). The informants involved consisted of those who were directly involved with MPUHE, namely field experts, teaching staff and students. The interview session involved the collection of information on the implications of MPUHE's teaching on improving students' understanding of patriotism in general and the values of patriotism studied, namely ethnic harmony, identity and the spirit of volunteerism. The interview sessions involved gathering information about Ethnic Relations' teaching implications on

improving students' understanding of patriotism in general and the values of patriotism studied, ethnic harmony, identity and volunteerism. Further information obtained from the questionnaire was analyzed using independent sample T-test, Anova test, correlation test and multiple regressions. The analysis results are expressed in the form of percentages, mean and significant values. Meanwhile, the interview results were analyzed using content analysis, code setting and theme formation and sub themes manually. Overall, the results of the data analysis showed that there are differences in the students' understanding, inclination and implications of Ethnic Relations' teaching on students' patriotisme. The analysis also revealed a simple relationship between blind patriotism, ethnic harmony and volunteerism and a simple relationship between constructive patriotism, ethnic harmony and identity. Although the findings of the questionnaire showed a high level of agreement that Ethnic Relations course has good implications for building students' understanding of patriotism, the interview results from the 3 informants stated otherwise. Hence, the interview results have found another medium that could build understanding and influence the students' inclination towards patriotism that is family and religious factors.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Secara dasarnya, semangat patriotisme boleh diterjemahkan mengikut kepercayaan, amalan dan tindakan yang menunjukkan kesetiaan kepada negara (Nik Anuar, 2002; Healy, 2017). Ia melibatkan penyulaman dan keterikatan emosi iaitu cinta dan sayang akibat perkongsian nilai sosial seperti budaya dan sejarah, yang melibatkan soal keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan, kesetiaan seseorang kepada negaranya tanpa mengira kos, manfaat dan tidak ada syarat dan ia memerlukan individu yang sanggup mengorbankan kepentingan peribadi demi orang lain (Nazri & Jamsari, 2002; Muhamad Ali, 2009; Zamir & Horowitz, 2013). Ia merupakan satu perasaan positif tentang cinta, pengabdian, kebanggaan dan kewajipan menyokong dan melindungi tanah air (Haidt, 2016).

Masyarakat Malaysia umumnya dan belia khususnya perlu berfungsi dalam menjayakan strategi yang telah direncanakan oleh kerajaan dalam memacu pembangunan dan kemajuan negara (Abdul Aziz, Abdul Razak & Mohd Mahzan, 2019). Golongan belia merupakan golongan yang mempunyai potensi dan tanggungjawab besar dalam mencapai wawasan Malaysia menjadi negara maju dengan acuan sendiri menjelang 2020 (Baharom & Mohamad Johdi, 2009; Nor Hanim, Selamah & Ahmad Bashir, 2015). Negara-negara maju seperti Korea Selatan mempunyai sekumpulan generasi muda berpatriotik tinggi yang memainkan peranan mereka dalam politik tempatan dan ia memastikan kedinamikan politik di Korea Selatan berterusan (Noor Sulastry Yurni & Ki-Soo Eun, 2012). Melihat kepada betapa

besarnya peranan belia, Malaysia perlu menyemai, menyuburkan dan memperkasakan semangat patriotisme agar peranan belia bersepadu dengan misi dan visi negara. Namun, peredaran masa menyebabkan aspek-aspek yang menjadi tumpuan dalam menyemai semangat patriotisme tidak lagi bergantung kepada aspek sejarah semata-mata bahkan telah beralih tumpuan kepada elemen yang lebih besar seperti kestabilan politik, pembangunan dan keadilan ekonomi, kebajikan sosial dan moral, pengaruh pendidikan, kemajuan teknologi, elemen psikologi dan juga permainan globalisasi (Mohd Taib, 2004; Johnson,1997). Menyedari hakikat ini, usaha mewujudkan belia yang tinggi nilai patriotismenya perlu diperkuatkan (Sarjit, Mohd Rahimi & Ahmad Tarmizi, 2015: Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011)

1.1 Latar Belakang Kajian

Semangat patriotisme perlu dipupuk, disemai dan dibajai kerana ia bersifat afektif iaitu melibatkan perasaan dan tidak boleh diwariskan dari satu generasi ke generasi lain (Berns (1997) di dalam Ku Hasnita dan Mohd Haizam, 2011). Dalam hal ini, pembentukan semangat patriotisme berevolusi mengikut peredaran masa, situasi dan bentuk perjuangan (Johnson didalam Bar-Tal & Staub, 1997).

Sejak sekian lama, pendidikan dijadikan agen sosialisasi dalam membentuk masyarakat yang diingini (Anzai, 2015; Noor Sulastry Yurni & Ki-Soo Eun, 2012; Kluver & Weber, 2003; Roberts., 2009). Menurut Mohd Aris dan Phun Lee Lee (2014), ia sekaligus memainkan peranan dalam proses pembangunan diri, masyarakat dan negara. Dewey di dalam Neuman dan Guterman (2017) menyatakan bahawa peranan pendidikan adalah penting dalam pembangunan dari sudut moral, intelek, agama dan pengalaman. Noor Sulastry Yurni dan Ki-Soo Eun (2012) turut semangat nasionalisme yang dipupuk sejak kecil bermula daripada sekolah rendah telah

membentuk masyarakat Korea yang rajin dan mempunyai jati diri yang tinggi. Hasilnya, mereka berjaya dalam membangunkan ekonomi yang berdaya saing sehingga produk-produk mereka dikenali di seluruh pelosok dunia. Hyundai, Kia dan Samsung merupakan antara produk buatan Korea Selatan yang masyhur dan mempunyai pengguna yang ramai di Malaysia mahupun di seantero dunia. Selain Korea Selatan, Singapura juga mengambil inisiatif menguatkan identiti nasional dan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyatnya bagi menyiapkan diri untuk menghadapi krisis yang wujud akibat globalisasi (Kluver & Weber, 2003).

Mengambil contoh Jepun yang dikenali dengan kemajuan ekonomi, teknologi, budaya dan juga semangat cinta dan bangga kepada negara. Usaha Jepun mewujudkan masyarakat yang mempunyai nilai patriotisme tinggi dapat dilihat dalam sistem pendidikannya. Penekanan pendidikan moral dengan suntikan nilai patriotisme merupakan asas kepada pendidikan di Jepun (Anzai, 2015). Pembentukan sistem pendidikan Jepun memberi fokus kepada buku-buku teks yang kandungannya lebih menekankan pendidikan budaya dan tradisi Jepun, pendidikan moral yang menekankan baik dan buruk serta kurang bersifat menghakimi (Anzai, 2015). Malah kandungannya yang lebih bersifat penekanan kepada pembangunan moral dalam menyuntik semangat patriotisme menjadikan buku teks sekolah di Jepun kurang memberi penekanan terhadap sejarah peperangan yang melibatkan Jepun dengan negara lain (Sneider, 2013).

Pembentukan patriotisme di Malaysia disemai melalui pendidikan dimana nilai utamanya adalah ketersediaan dan kerelaan berkorban untuk negara (Awang, 1983: Sarjit et.al 2015). Institusi pendidikan memainkan peranan sebagai agen sosialisasi dalam menanam, menyubur dan menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat umumnya dan belia khususnya (Mohd Aris & Phun, 2014; Ku

Hasnita & Mohd Hazim; 2011). Langkah ini direalisasikan dengan penawaran subjek Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan subjek Kewarganegaraan di peringkat sekolah rendah dan menengah. subjek pendidikan Islam dan pendidikan Moral diajar dalam membentuk pemahaman dan peribadi mulia dalam kalangan pelajar. Etika moral merupakan satu bentuk nilai yang menjadi asas kepada pengajaran agama dan pendidikan moral di institusi pendidikan formal. Pemahaman mendalam dalam ajaran agama akan membentuk masyarakat yang baik dan bermoral (Ibrahim, 2008). Kesenambungan pemupukan semangat patriotisme diteruskan dengan memperkenalkan Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik dan diwajibkan untuk semua pelajar di Institut Pengajian Tinggi bermula pada 2013. Ku Hasnita dan Mohd Haizam (2011) menyatakan bahawa pendidikan patriotisme di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang khusus diperkenalkan semata-mata untuk memperkukuhkan semangat patriotisme.

Dalam konteks Malaysia, sistem pendidikan dibentuk dalam usaha menzahirkan masyarakat yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Mengimbas pembentukan sistem pendidikan yang ada pada hari ini, ia didasari oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk dalam melihat keperluan-keperluan semasa. Jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk adalah seperti:

- i. Laporan Barnes 1951
- ii. Laporan Fenn-Wu 1951
- iii. Ordinan Pelajaran 1952
- iv. Laporan Razak 1956
- v. Akta Pelajaran 1961
- vi. Laporan Kabinet 1979
- vii. Rang Undang-Undang 1995

Latar etnik masyarakat Malaysia yang pelbagai merupakan antara acuan utama menyuntik nilai perpaduan dalam memahami konsep semangat patriotisme negara (Sarjit, Mohd Rahimi & Ahmad Tarmizi, 2015). Pelaksanaan Laporan Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1961 dan Laporan Kabinet 1971 adalah strategi yang diambil dalam menyatukan dan mengukuhkan lagi perpaduan menerusi aspek pendidikan. Menurut Laporan Kabinet 1971, rentetan berlakunya Tragedi 13 Mei 1969, Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah dalam usaha mewujudkan perpaduan dan mengelakkan prejudis antara kaum berlaku (Mohd Aris & Phun L.L, 2014).

Seterusnya, di peringkat pengajian tinggi, Mata Pelajaran Umum telah menggantikan silibus Mata Pelajaran Wajib yang diperkenalkan sejak 1996 (Buku Garis Panduan MPU, Edisi Kedua, 2017). MPW yang dikemas kini dan digantikan dengan MPU terhasil dari beberapa isu antaranya kelunturan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar IPT (Buku Garis Panduan MPU, Edisi Kedua, 2017). Antara

subjek yang ditawarkan dibawah MPU adalah MPU Hubungan Etnik, Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Pengajian Malaysia 1,2 dan 3 dan Bahasa Melayu Komunikasi 1 dan 2 (Buku Garis Panduan MPU, Edisi Kedua, 2017). MPUHE merupakan subjek khusus yang membincangkan senario masyarakat multi etnik di Malaysia. Ia merupakan subjek yang penting dalam usaha memberi pemahaman dan mempromosi perpaduan antara kaum. Objektif utama penawaran MPUHE juga menggambarkan kepentingan memupuk semangat patriotisme dalam melahirkan pelajar yang menghormati perpaduan kaum, mempunyai identiti nasional yang kuat dan memupuk semangat kesukarelawanan yang aktif (Buku Garis Panduan MPU, Edisi Kedua, 2017).

Penawaran MPUHE memperlihatkan keseriusan kerajaan meneruskan usaha membentuk belia yang mempunyai semangat patriotisme tinggi (Buku Garis Panduan MPU, Edisi Kedua, 2017). Ini kerana kegagalan membentuk golongan belia yang mencintai diri, negara, bangsa dan agama akan memberi kesan kepada pembangunan negara di masa akan datang (Ku Hasnita & Mohd Hazim, 2011). Perlu ditegaskan, nilai patriotisme itu berjaya sekiranya semangat yang ada didalam diri diterjemah dengan suatu tindakan (Kus, Merey, & Karatekin, 2015).

1.2 Pernyataan Masalah

Tidak dinafikan, semangat patriotisme dalam kalangan belia banyak diperbahaskan kerana menyedari tentang kepentingannya menentukan masa depan negara (Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011; Azizan, 2005; Sarjit, Mohd Rahimi Ahmad Tarmizi, 2015; Bar-Tal & Staub, 1997; Kulchytskyi & Sopiha, 2018). Kefahaman semata-mata dan bersifat pasif tidak menggambarkan belia yang patriotik dalam erti kata sebenar dimana kefahaman dan kecenderungan perlulah diterjemahkan

dengan penghayatan patriotisme melalui tindakan konkrit (Ariely, 2016; Azizan, 2005). Golongan belia merupakan golongan fokus kajian atas sebab mereka ini merupakan sandaran dan bakal pemimpin dalam memastikan keharmonian, kesejahteraan dan kemajuan negara dapat dicapai dan penentu kepada kekuatan dan ketahanan negara dimasa hadapan (Azizan, 2005; Siti Norihan & Hasnah, 2013; Dasar Pembangunan Belia Negara, 1997).

Semangat patriotisme sering dikaitkan dengan persepsi dan kefahaman terhadap rasa bangga kepada negara perasaan kekitaan atau memiliki terhadap negara, kesetiaan kepada negara, berdisiplin atau adab baik (Tuan Pah Rokiah, Shamsul Anuar & Zaheruddin, 2016; Anuar, Peter Ling & Nur Atiqah, 2015; Sarjit, Mohd Rahimi Ahmad Tarmizi, 2015). Nilai-nilai ini merupakan nilai utama yang menjadi asas kepada pendidikan patriotisme di institusi pendidikan baik dari pendidikan awal sehinggalah diperingkat pengajian tinggi (Tuan Pah Rokiah, Shamsul Anuar & Zaharuddin, 2016). Pendidikan patriotisme seharusnya membantu mendasari prinsip dan perilaku sebagai belia sebagai rakyat Malaysia yang diingini. Menyedari hakikat kepentingan mempunyai masyarakat patriotik dan sedia bertindak, kerajaan melalui inisiatif pendidikan berusaha memupuk, menanam dan menyuburkan nilai patriotisme dalam diri belia Malaysia (Ku Hasnita & Mohd Hazim, 2011). Usaha ini berterusan tanpa henti tetapi adakah hasilnya adalah seperti yang dijangkakan? Menurut Awang (1995), semangat patriotisme wujud seiring dengan peradaban manusia melalui hidup berkomuniti dan adanya peranan sempadan wilayah dan juga cara mempertahankan identiti. Patriotisme itu wujud dengan pada awalnya membawa konsep kesetiaan dan kecintaan pada komuniti sehingga berubah kepada kesetiaan kepada negara (Healy, 2017). Persoalan yang lazim diabaikan adalah, adakah ia dianggap sebagai fenomena yang positif atau negatif? Malah kurang diketahui bagaimana pelbagai individu

melihat patriotisme kerana ia adalah berkaitan pemahaman, penghayatan dan pengamalan. Ini menjadikan ia disokong secara berbeza mengikut individu mahupun kumpulan yang berbeza dipengaruhi oleh keturunan, sejarah, pendidikan, agama, malahan polisi dan dasar sesebuah negara (Ariely, 2017).

Keadaan ini menggusarkan apabila laporan semangat belia terhadap patriotisme memperlihatkan penurunan dari tahun ke tahun. Trend yang membimbangkan ini dibuktikan dengan data Indeks belia Malaysia yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. KBS telah memperkenalkan domain-domain Indeks Belia Malaysia (IBM) untuk mengukur semangat patriotisme dalam kalangan belia. IBM pada tahun 2015 menunjukkan peratus domain identiti yang memberi fokus kepada daya saing, kesukarelawanan, patriotisme, perpaduan dan integriti adalah pada skor 69.1% iaitu pada tahap sederhana (Indeks Belia Malaysia, 2015). Namun begitu, semangat patriotisme di bawah domain identiti IBM menunjukkan kemerosotan pada laporan IBM iaitu pada 2006 (68.2%), 2011 (64 %) dan 2015 (60.1%). Adalah menjadi kegusaran apabila perlakuan belia pada masa ini akan memberi kesan kepada negara dimasa hadapan (Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011).

Seterusnya, patriotisme seharusnya membawa fungsi kesepaduan, mobilisasi dan pengembelangan kepada kesatuan masyarakat (Bar-Tal & Staub, 1997: Ahmad Faiz, Muhammad Ali & Abdul Rahman, 2005). Akan tetapi kefahaman dan penghayatan yang cetek terhadap patriotisme diterjemahkan dengan Indeks Belia Malaysia di mana pada tahun 2015 mencatatkan semangat perpaduan antara kaum pada tahap sederhana sahaja iaitu sebanyak 69.1% (Indeks Belia Malaysia, 2015). Laporan Indeks Ketegangan Masyarakat, pada tahun 2017 meningkat 2.1 peratus dari tahun 2016 walaupun tiada berlaku rusuhan dan keganasan. Manakala kategori

serangan dan pergaduhan menunjukkan peningkatan, iaitu daripada 502 kes kepada 796 kes, kategori isu konflik meningkat daripada 252 kes pada tahun 2016 kepada 267 kes pada tahun 2017 (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 21 Mac 2018). Keperluan kepada perpaduan kaum adalah sesuatu yang kritikal dalam memastikan tidak berlakunya konflik etnik sekaligus akan mengganggu kestabilan politik, kemajuan dan pembangunan ekonomi negara (Mohammed Mustafa, 2014). Sejak 1946 sehingga sekarang, pola hubungan etnik boleh dikategorikan dalam pola turun naik akibat berlakunya beberapa konflik yang melibatkan etnik (Mansor, Abdul Rahman & Mohammad Ainuddin, 2006). Prejudis dan stereotaip antara satu sama lain dikatakan sebagai punca berlakunya kedinginan hubungan etnik di Malaysia (Fatimi, Zulkarnaian & Arbaiyah, 2016). Tahap polarisasi etnik yang tinggi membuktikan kurangnya komunikasi antara masyarakat berbilang kaum. Darjah interaksi antara etnik juga adalah rendah kerana pelajar lebih cenderung menjalin hubungan dan bekerjasama dengan etnik yang sama (Suresh, 2014; Kua, 2002; Abdullah Taib, 1984).

Pemahaman yang tinggi terhadap konsep dan fungsi patriotisme kepada belia khususnya akan menjadi benteng pertahanan diri dari terlibat dengan salah laku dan tidak menjaga nama baik negara (Yakaldevi, 2014). Penyimpangan kepada penghayatan patriotisme boleh menyebabkan keruntuhan moral dan masalah sosial belia berada pada tahap yang membimbangkan sebagai contoh seramai 2,238 pesalah rasuah yang ditangkap sekitar 2013 hingga Julai 2018 (Berita Harian, 7 Julai 2018). Jenayah seperti rasuah boleh meruntuhkan negara (Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri, Berita Harian, 7 Julai 2018). Manakala statistik banduan belia meningkat dari 8,672 orang pada tahun 2016 kepada 31,284 orang pada tahun 2017 (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dan Jabatan Penjara Kementerian Dalam Negeri, 2018). Patriotisme tidak seharusnya dilihat sebagai satu

bentuk perasaan yang pasif semata-mata tetapi perlu disusuli dengan tingkah laku yang seiring dengan matlamat utama patriotisme iaitu melahirkan belia yang mempunyai kesedaran tentang "*patriotic duty*" terhadap negaranya (Azizan, 2005; Kahne & Middaugh, 2006; Healy, 2017). Secara asasnya, tahap patriotisme dibahagikan kepada tiga yang utama iaitu bersifat kognitif iaitu melibatkan pengenalan diri dan berjati diri, sifat afektif melibatkan perasaan cinta pada tanah air dan kesejahteraan dan tahap ketiga ialah penterjemahan patriotisme dalam bentuk tingkah-laku iaitu sejauh mana belia sanggup melibatkan diri dengan aktiviti yang menjurus kepada kemakmuran negara dan masyarakat madani (Kahne & Middaugh, 2006). Semangat patriotisme itu hadir dalam pelbagai fungsi bukan sekadar sanggup berkorban untuk negara tetapi sebagai benteng pertahanan diri dari terlibat dengan perlakuan yang tidak seiring dengan nilai moral dan etika (Bar-Tal & Staub, 1997). Ia bukan sekadar ikatan emosi tetapi perlu diterjemahkan melalui tindakan (Azizan, 2005). Semangat patriotisme dari segi tindakan selalunya mengenyahkan kepentingan sendiri berbanding kepentingan umum (Johnson, 1997; Ahmad Faiz, Mohamad Ali & Abdul Rahman, 2005). Usaha kecil memperlihatkan betapa kuat semangat cinta negara boleh direalisasikan melalui tindakan berskala kecil seperti melalui kesukarelawanan (Azizan, 2005). Melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan merupakan manifestasi emosi berbentuk tindakan dan ia merupakan usaha kecil dalam menjalankan tugas patriotik dalam kalangan masyarakat berbilang kaum (Azizan, 2005). Namun begitu, kesediaan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan belia hanya berada pada tahap sederhana (Indeks Belia Malaysia, 2015).

Pada akhirnya, patriotisme seharusnya dapat membina masyarakat yang mementingkan keperluan negara melebihi dari keperluan politik, kaum dan diri sendiri. Individu tidak seharusnya mengekalkan kesetiaan kepada parti apa yang

mereka sokong tetapi menyokong nilai-nilai kemanusiaan dan kebajikan yang di promosikan bukan sahaja negaranya tetapi negara lain juga (Schatz & Staub, 1997; Healy, 2017).

Negara ini dibina dari satu perjuangan yang sangat panjang, dari penjajahan kepada kemerdekaan, pengisian kemerdekaan dan hari ini tanggungjawab mengukuhkan negara. Negara itu sendiri terbentuk hasil entiti di dalamnya iaitu rakyat, pemerintah, perwilayahan, etnik, budaya mahupun politik. Inilah yang menjadi asas dan kerelevanan melatkkkan keperluan negara berbanding keperluan entiti-entiti kecil yang membentuk negara. Patriotisme yang membina membolehkan individu melihat tindakan dan dasar yang baik seharusnya boleh membawa perubahan yang baik terhadap kesejahteraan rakyat dan negara secara menyeluruh (Schatz & Staub, 1997). Penentuan hak terhadap keperluan negara bukanlah ditentukan oleh pemerintah, tetapi ditentukan oleh undang-undang dan norma yang telah dipersetujui bersama hasil keterikatan dan perkongsian kriteria kependudukan sebagai sebuah negara dan bangsa (Gomberg, 2002). Malaysia khasnya menggunakan ketertinggian dan keluhuran Perlembagaan dalam menggariskan keperluan negara secara khusus. Begitu juga dengan norma kehidupan yang dikongsi bersama iaitu melalui ideologi yang diterapkan melalui 5 prinsip asas Rukun Negara.

1.3 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk meninjau kecenderungan dan nilai patriotisme dalam kalangan belia iaitu pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam melalui pembelajaran MPUHE.

Manakala objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti kecenderungan jenis patriotisme pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam berdasarkan demografi.
- ii. Menganalisis tahap kefahaman pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam terhadap tiga nilai patriotisme yang terdapat dalam MPUHE
- iii. Menganalisis elemen dalam tiga nilai modul MPUHE yang membentuk kecenderungan patriotisme pelajar
- iv. Mengkaji implikasi pengajaran MPUHE dalam membina kefahaman dan pembinaan kecenderungan semangat patriotisme pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah kecenderungan patriotisme pelajar Institut pengajian Tinggi Awam berdasarkan demografi?
- ii. Bagaimanakah tahap pemahaman pelajar terhadap tiga nilai patriotisme di dalam MPUHE?
- iii. Apakah elemen dalam tiga nilai modul MPUHE yang membina kecenderungan patriotisme pelajar?
- iv. Apakah implikasi pengajaran MPUHE dalam membina kefahaman patriotisme pelajar Institut pengajian Tinggi Awam?

1.5 Hipotesis Kajian

1. Mengenal pasti kecenderungan jenis patriotisme pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam berdasarkan demografi.

H_a Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kecenderungan jenis semangat patriotisme pelajar berdasarkan demografi (jantina, umur, etnik, agama, tahun pengajian, negeri kelahiran, kawasan tempat tinggal, pekerjaan bapa dan ibu)

H_a Terdapat hubungan yang signifikan di antara kecenderungan jenis semangat patriotisme pelajar berdasarkan demografi (jantina, umur, etnik, agama, tahun pengajian, negeri kelahiran, kawasan tempat tinggal, pekerjaan bapa dan ibu)

2. Menganalisis tahap kefahaman pelajar terhadap tiga nilai patriotisme yang terdapat dalam MPUHE

H_a Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kefahaman pelajar terhadap tiga nilai patriotisme yang terdapat dalam MPUHE dengan demografi pelajar (jantina, umur, etnik, agama, tahun pengajian, negeri kelahiran, kawasan tempat tinggal, pekerjaan bapa dan ibu)

- a. Keharmonian etnik
- b. Jati diri
- c. Semangat kesukarelawanan

H_a Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kefahaman pelajar terhadap tiga nilai patriotisme yang terdapat dalam MPUHE dengan demografi pelajar (jantina, umur, etnik, agama, tahun pengajian, negeri kelahiran, kawasan tempat tinggal, pekerjaan bapa dan ibu)

- a. Keharmonian etnik
- b. Jati diri
- c. Semangat kesukarelawanan

3. Menganalisis tiga nilai patriotisme MPUHE yang membentuk kecenderungan patriotisme pelajar

H_a Terdapat hubungan yang signifikan diantara elemen-elemen dalam tiga nilai modul MPUHE terhadap pembentukan patriotisme buta ataupun patriotisme konstruktif.

4. Mengkaji dan meneroka implikasi pengajaran MPUHE dengan kefahaman dan pembinaan patriotisme pelajar.

H_a Terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran MPUHE dengan kefahaman pelajar terhadap patriotisme.

1.6 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, terdapat dua kepentingan kajian yang dijalankan iaitu kepentingan dari sudut teoritikal dan kepentingan dari sudut pengembangan ilmu.

Secara khusus, kajian ini menggabungkan dua teori iaitu Teori Identiti Sosial dan Teori Fungsionalisme yang sebelum ini dikaji secara terpisah. Teori Identiti Sosial digunakan dalam memperincikan perbahasan mengenai kepentingan patriotisme kepada individu dan kumpulan. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang bersifat multi etnik dan sangat dekat dengan pengenalan kepada identiti agama, TIS diharap dapat menghuraikan konsep semangat patriotisme yang mendasari belia di IPTA. Seterusnya, teori Fungsionalisme diterapkan dalam menghurai hubungan simbiotik agen sosialisasi dalam struktur masyarakat yang melibatkan institusi formal dan tidak formal. Penerapan Teori Fungsionalisme diharap dapat menghuraikan peranan institusi formal dan tidak formal dalam menanam, menyubur dan mengekalkan

semangat patriotisme dalam kalangan belia. Gabungan dua teori sosiologi ini diharap dapat mengupas data yang diperolehi secara lebih mendalam dan komprehensif.

Selain itu kajian ini bertujuan mendalami kecenderungan patriotisme pelajar di IPTA. Kecenderungan patriotisme dibezakan kepada dua iaitu patriotisme konstruktif yang bersifat positif dan patriotisme buta yang disifatkan sebagai patriotisme ekstrem (Br-Tal & Staub, 1997). Kebiasaanya, kajian patriotisme dalam kalangan masyarakat umumnya dan belia khususnya adalah patriotisme simbolik dan umum iaitu tahap kognitif yang melibatkan pengenalan jati diri dan afektif yang melibatkan perasaan sayang dan cintakan negara (Sarjit et.al, 2015; Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011; Ariely, 2017). Bagaimanapun, kajian ini cuba memperhalusi gabungan semangat patriotisme afektif melalui konstruk jati diri, tahap kognitif melalui konstruk cintakan keharmonian negara dan tahap tindakan dan tingkah-laku melalui konstruk semangat kesukarelawanan. Ia merasionalkan mengapa memahami kecenderungan jenis patriotisme adalah sangat penting kerana ia akan memberi gambaran apakah semangat patriotisme belia bersifat afektif dan kognitif semata-mata ataupun ia adalah terjemahan kepada penglibatan aktif dalam melaksanakan tanggungjawab patriotik dalam mewujudkan masyarakat madani (Azizan, 2005; Muhammad Mustaffa, 2014; Jurij, 2016).

Akhir sekali, kaedah triangulasi yang digunakan dalam proses pemerolehan, intepretasi dan penghuraian data dapat memberi gambaran yang lebih mendalam dan komprehensif berkaitan semangat patriotisme belia. Seterusnya, data yang diperolehi dari kaedah tringulasi ini dapat mengkayakan dapatan kajian yang telah dibuat oleh penyelidik terdahulu.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan faktor luar kawalan yang tidak dapat disentuh oleh penyelidik sewaktu proses menyiapkan kajian ini.

Secara umumnya, kajian ini mengkaji kecenderungan dan pemahaman patriotisme pelajar melalui medium pengajaran MPUHE di IPTA. Perkara yang dikaji hanyalah terbatas kepada tiga nilai patriotisme yang dijadikan sebagai objektif pengajaran MPUHE iaitu keharmonian etnik, jati diri dan semangat kesukarelawanan. Tiga nilai ini seiring dengan pendefinisian secara umum iaitu masyarakat yang mempunyai semangat patriotisme tinggi adalah masyarakat yang cintakan negara dan identitinya, dahagakan kemakmuran dan bertindak menjaga antara satu dengan lain (Tajfel & Turner, 1979; Bar-Tal & Staub, 1997; Ariely, 2016).

Dalam menentukan lokasi kajian, penyelidik memilih tiga buah universiti iaitu Universiti Malaysia Perlis, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa sebagai lokasi kajian. Penyelidik tidak dapat melibatkan semua IPTA dan hanya memilih secara rawak tiga dari 21 buah IPTA di seluruh Malaysia. Sebanyak 19 universiti tidak dipilih sebagai populasi kajian. Pemilihan tiga universiti ini adalah berdasarkan pengkelasan mengikut teras universiti yang ada di Malaysia iaitu universiti penyelidikan, universiti berfokus dan universiti komprehensif.

Manakala dari segi responden, hanya pelajar yang sedang mengikuti MPUHE dipilih sebagai responden kajian. Ia bersesuaian dengan fokus kajian untuk mendapatkan maklumat dan pemerihaln kecenderungan dan kefahaman patriotisme pelajar sebelum dan selepas mengikuti MPUHE yang dijalankan selama 14 minggu bersamaan satu semester pengajian. Pelajar universiti dipilih sebagai responden

disebabkan oleh peranan mereka sebagai modal insan, aset dan pewaris kepada kepimpinan Malaysia dimasa akan datang (Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011).

Selain itu, kajian ini juga melibatkan informan-informan yang dipilih secara persampelan bertujuan dengan kriteria seperti penglibatan secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran patriotisme dan juga kepakaran dalam mengupas isu patriotisme secara mendalam. Kajian ini hanya terbatas kepada aspek pemahaman, kecenderungan dan adakah elemen patriotisme didalam MPUHE mempengaruhi dan membentuk kecenderungan patriotisme pelajar.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Patriotisme Buta dan Patriotisme Konstruktif

Patriotisme buta melihat parti politik, kumpulan, kerajaan dan polisinya sebagai objek kesetiaan. Bagi mereka yang mempunyai semangat patriotisme buta, objek kesetiaan tidak boleh dipertikaikan baik dengan kritikan apalagi dengan tindakan (Bar-Tal & Staub, 1997; Ntahanson, 1993; Sarjit et.al, 2015). Kritikan dan tindakan yang dilihat tidak menyokong dianggap sebagai tindakan yang tidak patriotik. Individu yang mempunyai semangat patriotisme buta yang tinggi adakalanya menolak dari mempertimbangkan nilai moral sekiranya objek kesetiaannya dilihat terancam (Staub, 1997).

Sebaliknya, patriotisme konstruktif bermakna individu bertanggungjawab mempromosikan kebajikan keseluruhan negara dan kebaikan bersama semua warganegara tanpa mengira etnik atau status. Patriotisme konstruktif memberi fokus kepada keseimbangan keatas kemakmuran negara, kesejahteraan hidup bermasyarakat, menghormati hak asasi dan perubahan positif Matlamat tindakan itu

adalah untuk membina identiti positif untuk sebuah negara dalam jangka panjang dan, jika perlu, untuk menentang agen-agen politik mahupun kumpulan yang melemahkan nilai-nilai asas manusia (Staub, 1997).

Secara umumnya, perbezaan ketara antara patriotisme buta dan patriotisme konstruktif adalah persempadanan dan batasan terhadap objek kesetiaan. Patriotisme buta melihat kumpulan sama ada negara, parti politik ataupun etnik adalah sentiasa bersaing dan mempunyai nilai eksklusif yang tidak boleh diganggu dan diancam (Spry & Hornsey, 2007; Schatz et al., 1999; Williams, Foster & Krohn, 2008). Sebaliknya individu yang mempunyai semangat konstruktif yang tinggi memberi fokus kepada kesejahteraan dan kebajikan bersama tanpa melihat perbezaan kumpulan, parti politik mahupun etnik (Staub, 1997). Dalam konteks kajian ini, kecenderungan jenis patriotisme akan melihat dari sudut sosiodemografi pelajar iaitu jantina, etnik, agama, kawasan tempat tinggal, pekerjaan ibu bapa pelajar.

1.8.2 Belia

Di Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan menafsirkan belia sebagai mereka yang berumur 15-40 tahun. Menurut Nor Hanim Selamah dan Ahmad Bashir Aziz (2015), golongan belia boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:

- i. Golongan belia remaja. kumpulan yang berada di sekolah
- ii. Golongan belia institusi pengajian tinggi atau penuntut (18 hingga 25 tahun).
- iii. Golongan belia awal pekerjaan (18 hingga 23 tahun).
- iv. Golongan belia industri (20 hingga 30 tahun).
- v. Golongan belia veteran (30 hingga 40 tahun).

Fokus utama kajian ini adalah golongan belia yang berada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Golongan belia ini dijadikan utama kerana pada peringkat ini mereka perlu dititik beratkan dengan nilai murni yang tinggi dan melihat sejauh mana kesan pendidikan semasa di sekolah rendah, menengah dan universiti memberi impak kepada pembinaan jati diri mereka. Golongan ini berpotensi menjadi pemimpin pada masa depan dan sebagai modal insan berkemahiran tinggi dalam sektor ekonomi negara.

1.8.3 Institut Pengajian Tinggi Awam

Mengikut statistik Kementerian Pengajian Tinggi, sehingga Jun 2007, terdapat 20 buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara sehingga kini (Pelan Strategik Pengajian Tinggi 2020). Pemilihan universiti yang terlibat didalam kajian ini adalah mewakili tiga teras universiti awam yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 2015 iaitu universiti berfokus (UniMAP), universiti penyelidikan (UKM) dan universiti komprehensif (UIA).

1.8.4 Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik (MPUHE)

Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) adalah kesinambungan kepada Mata Pelajaran Wajib (MPW) yang ditawarkan di Universiti Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia bermula pada 1 September 2013. Penawaran MPU bertujuan memantapkan lagi silibus dan pengurusan kursus-kursus ini di peringkat IPT. Senarai kursus yang ditawarkan adalah seperti Hubungan Etnik, Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Bahasa Melayu Komunikasi 1 dan 2, Pengajian Malaysia 1, 2 dan 3. Objektif penawaran MPU adalah seperti berikut:

- i. Membina hubungan dan interaksi sosial dalam konteks kepelbagaian masyarakat;
- ii. Membina kesedaran tentang jati diri kebangsaan dan kesukarelaan ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab;
- iii. Menghasilkan pelaporan bertulis dengan jelas dan sistematik serta membuat pembentangan lisan dengan yakin, jelas dan berkesan;
- iv. Menganalisis isu dan cabaran dalam konteks hidup bermasyarakat.

(Buku Garis Panduan Penawaran MPU Edisi Ke-2)

Kajian ini memberi fokus kepada objektif MPUHE seperti berikut:
membincang isu dan cabaran dalam konteks hubungan etnik di Malaysia;

- i. Membincang isu dan cabaran dalam konteks hubungan etnik di Malaysia;
- ii. Menilai kepentingan jati diri kebangsaan dan kesukarelawan ke arah mewujudkan warganegara yang bertanggungjawab;
- iii. Membina hubungan dan interaksi sosial pelbagai etnik.

(Buku Garis Panduan Penawaran MPU Edisi Ke-2)

1.8.5 Nilai Patriotisme Didalam Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik

1.8.5(a) Keharmonian Etnik

Malaysia pada asasnya diwarnai dengan kepelbagaian etnik dan budaya (Mohammed Mustafa, 2014). Perbezaan budaya, bahasa, amalan mahupun adat resam perlu diurus dengan baik kerana ianya boleh menjadi faktor timbulnya konflik etnik (Shamsul Amri, 2006). Tragedi 13 Mei 1965 yang pernah menjadi sejarah hitam dalam pengurusan etnik di Tanah Melayu memberi kesan dimana keharmonian etnik adalah

sangat penting dalam memastikan perjalanan politik, ekonomi dan pembangunan negara adalah baik. Keharmonian etnik dalam erti kata lain adalah etnik yang dilatari dengan perbezaan budaya, agama bahasa dapat hidup secara aman dan bekerjasama. Berdasarkan kajian ini, keharmonian etnik akan dilihat dalam konteks salah satu nilai yang terdapat didalam semangat patriotisme pelajar di IPTA.

1.8.5(b) Jati Diri

Keistimewaan dan keunikan budaya, agama, bahasa, adat yang dikongsi bersama adalah satu faktor yang membentuk jati diri seseorang (Kelman, 1997; Healy,2017). Ia merupakan lambang dan teras keperibadian individu dan seterusnya membentuk identiti masyarakat sesebuah negara. Kelman didalam Bar-Tal dan Staub (1997) menambah dari sudut psikologi sosial, jati diri merupakan satu aspek yang mengikat dan mengiktiraf individu keatas kumpulannya yang meliputi nilai asas yang dikongsi seperti kekuatan dan kelemahan, harapan dan keselamatan, kewujudan dan penerimaan, institusi dan tradisinya, sejarah dan masa hadapan. Dalam konteks kajian ini, jati diri dilihat sebagai satu nilai yang mendokong dan membentuk semangat patriotisme dalam kalangan pelajar IPTA yang telah mengikuti MPUHE.

1.8.5(c) Semangat Kesukarelawanan

Patriotisme merupakan satu bentuk ideologi dan seharusnya perlu diterjemahkan ke dalam satu bentuk amalan ataupun tindakan yang konkrit (Azizan, 1995). Kejayaan patriotisme itu seharusnya diukur dengan sejauh mana masyarakat melibatkan diri dengan aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan, kesejahteraan dan keharmonian negara (Abdul Aziz, Abdul Razaq & Mohd Mahzan, 2019). Patriotisme memerlukan satu penghayatan dan penglibatan serta amalan bagi

menafsirkan perasaan sayang dan kecintaan pada negara (Azizan, 2005). Lalu, aktiviti kesukarelawanan merupakan satu cara mengintepretasi patriotisme dalam bentuk konkrit. Pelajar yang sedar dan prihatin mempunyai peranan dan sumbangan penting yang boleh dimainkan untuk mendidik, merangsang dan menyemarakkan patriotisme dalam kalangan warga kampus sendiri dan juga masyarakat umum (Azizan, 2005). Dalam konteks kajian ini, semangat kesukarelawanan dilihat sebagai satu nilai yang mendokong pembentukan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar IPTA yang telah mengikuti MPUHE.

1.9 Rumusan

Bab ini adalah membincangkan secara terperinci bagi mengenal pasti permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian dan definisi istilah bagi keseluruhan kajian. Pada masa yang sama, penyelidik membincangkan juga tentang kepentingan kajian dalam skop patriotisme dalam kalangan belia di IPTA. Perbincangan yang lebih mendalam mengenai terma, konsep dan teori dilanjutkan ke bab yang seterusnya.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORITIKAL

2.0 Pendahuluan

Mempunyai masyarakat yang bersemangat patriotik adalah sesuatu yang penting kerana ia merupakan aset dan pelaburan bagi sesebuah negara dalam menjamin pembangunan, kesejahteraan dan kedaulatannya (Druckam, 1994; Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011; Kleinig, 1995). Seiring dengan keperluan mempunyai masyarakat yang patriotik, pendidikan formal seperti sekolah dan universiti dijadikan sumber proses memberi kefahaman, menyuntik dan menyubur semangat patriotisme (Sneider, 2013). Justeru, di dalam bab dua, terma-terma dan konsep-konsep penting akan dikupas dalam memberi kefahaman terhadap kajian yang dijalankan. Antaranya adalah definisi, latar sejarah dan perbandingan konsep patriotisme, perbandingan semangat patriotisme dengan nasionalisme, kupasan teori, pendidikan patriotisme di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melalui modul Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik (MPUHE) dan kerangka konsep.

2.1 Definisi Patriotisme

Perbezaan pendefinisian patriotisme menyebabkan sehingga kini tiada satu keterangan yang memberi makna tepat dalam menjelaskan apa itu patriotisme. Pengertian patriotisme semakin meluas kerana bukan sahaja merujuk kepada bagaimana untuk mengekalkan nilai moral yang tinggi, berdisiplin seterusnya menyokong pembangunan secara menyeluruh tetapi juga sejauh mana masyarakat dapat mengekalkan kedaulatan negara, tetapi juga bagaimana mengekalkan nilai moral

yang tinggi, berdisiplin seterusnya menyokong pembangunan secara menyeluruh (Abdul Aziz, Abdul Razaq & Mohd Mahzan, 2019) .

Secara umumnya, semangat patriotisme merupakan satu ikatan emosi yang subjektif didalam diri manusia (Ku Hasnita et al., 2011). Secara kolektif, perasaan itu adalah rasa kecintaan, kesetiaan, kesanggupan mempertahankan negara, rasa bangga dan melihat negara sebagai satu entiti yang hebat (Nathanson, 1993). Ia kemudiannya dizahirkan dalam bentuk perilaku dan tindakan seperti kesediaan mempertahankan negara dari jajahan luar, mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negara, menjaga nama baik negara, bekerja kuat dalam memajukan ekonomi, menjaga keharmonian dan kesejahteraan negara (Mohd Ali, 2009; Nathanson, 1993). Ideologi atau bentuk pemikiran ini dipupuk dalam masyarakat dengan pelbagai kaedah sama ada melalui simbol, slogan, kempen, proses sosialisasi melalui pendidikan tidak formal yang diturunkan secara turun-temurun dan juga proses indokrinisasi berlaku dalam sistem pendidikan formal. Ia merupakan satu ideologi yang dikemaskan dan disebarkan oleh kerajaan keatas masyarakatnya dan lazimnya menggunakan kaedah dokrinisasi pendidikan.

Seterusnya, Staub (1997) berpendapat semangat patriotisme adalah asas kepada unsur keperluan kehidupan manusia dan kumpulan iaitu memberi jaminan kepada keperluan keselamatan, identiti, keberkesanan dan kawalan, hubungan positif dengan orang lain dan realiti. Ia merupakan satu jalinan emosi yang terhasil kerana perkongsian ideologi politik, perkongsian budaya dan amalan, perkongsian demografi termasuklah umur dan juga etnik seterusnya menimbulkan rasa cinta dan sayang pada kelompok masyarakat yang didiami. Jalinan atau keterikatan ini merupakan kerelaan seseorang dalam mengikut amalan dan etika suatu kelompok sosial dan pada akhirnya perlu menunjukkan kesetiaan terhadap kelompok tersebut (Nordin, 2003). Emosi yang

terjalin ini merupakan semangat dalam mempertahankan kesinambungan, keharmonian dan ketahanan kelompok tersebut. Kelompok yang lebih besar merujuk kepada sebuah negara yang juga merupakan tanah air kepada seseorang.

Pandangan Janowitz (1985) menyatakan bahawa dasar patriotisme tidak hanya merujuk kepada sistem, ideologi mahupun simbol semata-mata tetapi merupakan keterikatan terhadap wilayah, tanah dan masyarakat. Ia tidak meletakkan apa-apa kod khas mengenai perilaku seseorang yang dipanggil patriot tetapi orientasinya adalah bagaimana seseorang itu menunjukkan semangat patriotismenya melalui sesuatu tindakan. Patriotisme sering kali dikaitkan dengan perkara seperti keperibadian, perilaku dan moral individu, apakah tindakan yang wajar mengikut konsep patriotisme dan bilakah seseorang itu perlu bertindak dan menjadi patriot demi negaranya.

Seterusnya, fokus kesetiaan dan objek rasa sayang adalah negara dan bukannya sistem pemerintahan semata-mata (Conover & Fieldman, 1987; Konsterman & Feschback, 1989; Healy, 2017). Perkara ini mengambil kira negara sebagai objek kesetiaan kerana ia merupakan entiti yang kekal dan kewujudannya mengambil masa yang lama dan terkandung sistem kerajaan yang berdaulat, penduduk, wilayah yang diiktiraf dan budaya yang dikongsi (Smith, didalam Young, Zuelow & Strum 2007). Ia disokong dengan pendapat Kleinig, Keller dan Igor Primoratz (2015) bahawa patriotisme adalah satu semangat cinta dan setia kepada satu entiti yang dipanggil negara atau tanah air iaitu dengan tiga fokus utama tindakan iaitu:

- i. Kesetiaan seseorang yang patriotik adalah kepada negara tetapi tidak semestinya kepada kerajaan;
- ii. Kecintaan seseorang kepada negaranya adalah melebihi kecintaannya kepada negara lain dan rasa ini disalurkan dengan tindakan yang sesuai